

# Sekiranya parti lawan berkuasa – Mahathir

# UTUSAN NST AKAN DITUTUP

UM 10 JUN 1990

**K**UALA LUMPUR 9 Jun – Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, akhbar Utusan Melayu, Utusan Malaysia, New Straits Times dan Berita Harian sudah tentu akan ditutup dan wartawan-wartawannya dibuang kerja jika parti pembangkang berkuasa di negara ini.

Perdana Menteri berkata, sementara Barisan Nasional (BN) membenarkan banyak akhbar dan majalah mengecam kerajaan dan melemparkan tuduhan, parti-parti lawan sebaliknya sudah memusuhi akhbar yang tidak menyokong mereka.

"Mereka telah membakar akhbar dan mengugut untuk membinasakan wartawan.

"Jikalau mereka memerintah sudah tentu New Straits Times, Berita Harian dan Utusan Melayu akan ditutup dan wartawan-wartawannya dibuang kerja, melainkan jika wartawan-wartawan ini menyokong parti mereka," katanya semasa berucap merasmikan persidangan perwakilan ke-19 Parti Gerakan di sini pagi ini.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, akhbar-akhbar yang tertentu yang sanggup men-

jadi alat mereka sahaja akan mendapat kebenaran untuk mencetak, sekiranya mereka memerintah.

Katanya, ini berbeza dengan kerajaan BN yang menjamin hak asasi manusia dan kebebasan bersuara.

"Kita boleh meneka apakah jenis kebebasan yang akan dialami oleh rakyat jika parti lawan memerintah," katanya.

Enam orang wartawan dalam bantahannya melalui Kesatuan Kebangsaan Wartawan Malaysia (NUJ) bar-u-baru ini mendakwa diancam hendak dibakar oleh ahli-ahli PAS semasa bertugas di muktamar tahunan ke-36 di Pusat Tarbiyah Taman Melewar dekat sini lewat bulan lalu.

Mereka mendakwa berada dalam keadaan ketakutan semasa ugutan itu dibuat.

Peristiwa itu telah menjadi isu hangat hingga menyebabkan beberapa orang pemimpin dan orang ramai melahirkan kebimbangan terhadap unsur-unsur keganasan yang ditunjukkan oleh ahli-ahli parti itu.

PAS juga merancang untuk mengadakan demonstrasi besar-besaran membakar Utusan Melayu, Utusan Malaysia, Berita Harian dan New Straits Times yang dijadualkan berlangsung di Alur Setar Kedah hari ini.

Lebih 10,000 ahli PAS termasuk ahli-ahli Parti Semangat 46 dijadualkan menyertai demonstrasi itu.